

Tiada lagi tolak ansur selesaikan isu sampah

SHAH ALAM 20 April - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengambil tindakan tegas dalam menyelesaikan isu sampah terutama di Selangor yang ketika ini berada pada tahap 'amat kritikal'.

Menterinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, akibat mengambil sikap terlalu berleghah dan bertolak ansur menyebabkan isu sampah di negeri itu telah lama berpanjangan dan menimbulkan masalah baru yang akhirnya memberi kesan langsung kepada orang ramai.

Sehubungan itu, katanya, antara tindakan tegas yang akan diambil seperti yang pernah diumumkan baru-baru ini ialah melakukan pindaan hukuman terhadap pesalah alam sekitar, membuka tapak pelupusan baru dan menutup pusat pelupusan sampah terbuka.

"Masalah sampah terutama di Selangor sudah sampai ke tahap amat kritikal yang mana kita sekarang terpaksa menguruskan krisis ini disebabkan sikap terlalu lambat mengubah sistem selain menghadapi banyak tentangan untuk cari penyelesaian.

"Selepas ini saya tidak mahu lagi ada pihak-pihak yang membuat rayuan sama ada untuk diizinkan agar terus beroperasi mana-mana pusat pelupusan atau apa juga sekalipun dan saya minta semua pihak untuk menerima arahan ini, tidak kira siapa," tegasnya.

Azmi berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan lebih dua jam dengan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo serta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di pejabat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor di sini hari ini.

Dalam lawatan itu, Azmi turut diberikan taklimat berhubung isu pencemaran air di Sungai Semenyih yang melibatkan lebih dua juta penduduk di empat daerah di Selangor, terputus bekalan air, Sabtu lalu.